BAHASA MELAYU TINGKATAN 3 KSSM

GURU BM: MUNSYI K'SEVEN

ASPEK PENULISAN

Kemahiran Membuat Rumusan

Soalan Karangan

Pada tahun 2011, kerajaan telah memperkenalkan program 1Murid 1Sukan untuk memastikan semua murid terlibat dalam bidang sukan. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah melibatkan diri dalam aktiviti sukan dalam kalangan murid.

Sukan adalah merupakan segala kegiatan-kegiatan yang memerlukan kemahiran atau ketangkasan serta tenaga yang dilakukan sama ada sebagai acara pertandingan, hiburan atau untuk mengisi masa lapang dan beriadah.

KESALAHAN BAHASA	PEMBETULAN
adalah merupakan (kata pemeri)	merupakan
segala kegiatan-kegiatan (bentuk jamak)	segala kegiatan

Pendahuluan Pelajar

Pendahuluan yang Mantap

(TEMA) Sukan merupakan segala kegiatan/aktiviti riadah yang memerlukan kemahiran dan tenaga.

(Pandangan/Pendapat) Kegiatan sukan seperti olahraga, renang, dan bola sepak boleh dilakukan sebagai acara pertandingan, hiburan atau untuk mengisi kelapangan dan beriadah.

(Fakta) Pada tahun 2011, kerajaan telah memperkenalkan dasar 1Murid 1Sukan kerana menyedari kepentingan bersukan.

(Fokus) Persoalannya, apakah faedah-faedah jika seseorang murid itu bergiat cergas dalam bidang sukan?

Sukan dapat meningkatkan disiplin. Hal ini demikian kerana individu yang ingin berjaya dalam bidang sukan mesti mempunyai disiplin yang tinggi. Oleh kerana itu, secara tidak langsung sukan juga turut membentuk disiplin murid tersebut.

KESALAHAN BAHASA	PEMBETULAN
Hal ini demikian kerana	Hal ini dikatakan.dinyatakan demikian kerana
Oleh kerana itu	oleh sebab itu

Perenggan Isi Pelajar [1]

Perenggan Isi yang Mantap

(Isi/idea utama) Manfaat bersukan yang utama kepada murid ialah sukan dapat meningkatkan disiplin.

(Huraian) Hal ini dikatakan demikian kerana atlet / ahli sukan / pemain mestilah mematuhi peraturan.

(Contoh) Contohnya, setiap pemain dalam sesebuah pasukan itu mesti mematuhi peraturan, menepati masa, rajin berlatih, dan akur arahan jurulatih.

(Penegasan/Kesimpulan) Tegasnya, sukan dapat membentuk disiplin murid.

Sukan melahirkan seseorang murid yang sihat. Hal ini demikian kerana bersukan boleh memperkuarkan otot dan tulang serta menyihatkan badan. Oleh itu, murid yang aktif bersukan jarang mendapat demam dan selesema.

KESALAHAN BAHASA	PEMBETULAN
Hal ini demikian kerana	Hal ini dikatakan demikian (oleh) sebab
memperkuatkan	menguatkan / memperkuat

Perenggan Isi Pelajar [2]

Perenggan Isi yang Mantap

(Isi) Seterusnya, sukan dapat melahirkan murid yang sihat.

(Huraian - Sebab) Hal ini demikian lantaran bersukan boleh mencergaskan badan.

(Contoh) Misalnya, seseorang murid yang bersukan setiap petang akan membakar lemak berlebihan dalam badan, sementelah(an) meredakan stres.

(Penegasan/Kesimpulan). Ringkasnya/Izharlah, badan cergas, otak cerdas.

Murid yang aktif bersukan dapat menggunakan masa lapang mereka dengan lebih bermanfaat. Hal ini demikian kerana biasanya murid yang aktif dalam bidang sukan tidak suka membuang masa. Oleh itu, sudah pasti mereka akan menghabiskan masa dengan lebih bermanfaat.

KESALAHAN BAHASA	PEMBETULAN
	memanfaatkan masa lapang
	Hal ini dikatakan demikian lantaran

Perenggan Isi Pelajar [3]

Perenggan Isi yang Mantap

(Idea utama) Akhir sekali dan tidak kurang mustahaknya, murid memanfaatkan masa lapang mereka.

(Hutraian - Sebab) Hal ini dikatakan demikian lantaran ghalibya/lazimnya/biasanya murid-murid yang aktif dalam bidang sukan tidak akan membuang masa kerana masa itu emas.

(Contoh) Tamsilnya, mereka tidak bermain permainan komputer dan tidak akan melepak di pusat beli-belah, atau menonton televisyen.

(Penegasan) Pendek kata, sukan dapat mengisi kelapangan murid-murid.

Izharnya, jelaslah di sini bahawa melibatkan diri dalam sukan banyak membawa faedah kepada murid. Saya percaya dengan adanya kerjasama antara semua pihak lebih ramai lagi jaguh sukan negara yang akan menyerlah di peringkat antarabangsa.

KESALAHAN BAHASA	PEMBETULAN
	Kesimpulannya/Akhir kalam / Akhirulkalam
	pada peringkat antarabangsa

Perenggan Penutup Pelajar

(Kesimpulan) Sebagai intiha wacana, sukan berfaedah kepada murid.

(Cadangan) Oleh itu/Lantaran itu / Oleh sebab itu, ibu bapa seharusnya menggalakkan anak-anak mereka bersukan.

(cadangan) Pihak sekolah juga hendaklah mendorong anak-anak murid bersukan dengan mempelbagaikan aktiviti sukan.

(Harapan - kesan) Dengan inisiatif ini, kita dapat melahirkan golongan yang sihat dan cemerlang dalam bidang akademik

Perenggan Penutup yang Mantap